

03/01/2002

200,000 pemimpin belia dilatih dalam lima tahun

Khairul Anwar Rahmat

MEMPERKASAKAN masyarakat belia dengan pelbagai ilmu dan kemahiran adalah antara matlamat pembangunan belia yang dikenal pasti Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8).

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata pihaknya berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana prihatin dengan program pembangunan belia dalam pembentangan Belanjawan 2002, Oktober lalu.

Justeru, katanya, KBS akan memberikan tumpuan khusus kepada beberapa rancangan yang dijangka mampu membentuk golongan muda yang lebih dinamik, progresif dan berdaya saing.

"Tumpuan utama KBS ialah untuk memperkasakan 2,000 pertubuhan belia di seluruh negara supaya dapat bergiat lebih cergas dalam pelbagai kegiatan.

"Kementerian mengenal pasti masalah seperti kepemimpinan, kewangan dan kemudahan asas sebagai antara punca kurangnya minat belia menyertai persatuan.

"Bagi tujuan itu, peruntukan tambahan akan disalurkan bagi membantu pertubuhan belia melengkapkan pelbagai keperluan pengurusan dan infrastruktur," katanya.

Di samping itu, kata Hishammuddin, KBS merancang untuk melatih 200,000 pemimpin belia dalam tempoh lima tahun akan datang.

Katanya, program latihan bagi pemimpin pelapis ini perlu untuk melahirkan lebih ramai pemimpin berwibawa yang bakal menerajui kepemimpinan belia kini dan akan datang.

Bagi membekalkan pelbagai kemahiran kepada golongan belia, Hishammuddin berkata, pihaknya akan menambah dan menaikkan taraf institut latihan belia, terutama Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).

Katanya, pembinaan generasi muda berkemahiran tinggi hasil didikan institut latihan perlu diperhebatkan kerana ia adalah landasan utama dalam membekalkan tenaga kerja mahir dalam negara.

Pada masa ini, ada tujuh IKBN di seluruh negara dan lapan lagi masih dalam pembinaan mengikut Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7).

Dalam RM-8, lima IKBN tambahan akan dibina bagi memenuhi permohonan kemasukan yang begitu menggalakkan.

IKBN sedia ada hanya mampu menampung kira-kira 10 peratus daripada jumlah permohonan kemasukan.

Bagaimanapun, Hishammuddin berkata 50 peratus daripada jumlah permohonan dijangka dapat dipenuhi apabila kesemua 15 IKBN baru siap dibina.

"Tambahan 15 IKBN baru menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 20 dan akan mula beroperasi dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya.

Mengenai program Rakan Muda, beliau memberi jaminan pihaknya akan memberi tumpuan khusus untuk memantapkan pengisiannya.

Katanya, bagi memastikan Rakan Muda kekal sebagai pilihan utama golongan muda, setiap program akan dilaksanakan mengikut pendekatan baru yang lebih menarik.

Selain memperkenalkan pelbagai kegiatan baru yang menjadi pilihan generasi masa kini, KBS juga akan memastikan setiap kegiatan disusun sendiri oleh golongan belia.

"Kita akan membuka ruang seluas-luasnya kepada pertubuhan belia menyuarakan pandangan dan cadangan dalam setiap program pembangunan belia anjuran KBS.

"Langkah ini selaras dengan strategi dan hasrat KBS untuk menjadikan

Rakan Muda sebagai sebuah program yang berkonsepkan 'untuk belia, daripada belia'.

"Bagi tujuan itu, KBS mengambil langkah untuk melatih dan menambah jumlah sukarelawan Rakan Muda yang kini berjumlah 5,000 orang," katanya.

Hishammuddin menafikan dakwaan sesetengah pihak bahawa KBS tidak mendapatkan pandangan pemimpin belia dalam merancang dan melaksanakan program pembangunan belia.

Hakikatnya, katanya, KBS amat menghargai sumbangan dan idea yang dicetuskan pemimpin belia yang mewakili pelbagai pertubuhan sukarela.

Katanya, Majlis Perundingan Belia Kebangsaan (MPBK) ialah platform terbaik untuk pemimpin belia bertukar pandangan dengan KBS.

"Gunakanlah peluang yang ada sebaik mungkin. KBS sentiasa membuka pintu bagi sesiapa saja yang berniat memajukan belia di negara ini," katanya.

Untuk tempoh jangka panjang, KBS akan menjalin kerjasama lebih erat dengan Kementerian Pendidikan untuk membantu pelbagai persatuan pelajar pada peringkat sekolah.

Katanya, tumpuan akan diberikan kepada badan berpakaian seragam seperti Pengakap, Persatuan Bulan Sabit Merah dan Kadet Polis.

Beliau berkata, KBS akan memberikan bantuan khusus supaya persatuan pelajar pada peringkat sekolah dapat memperkembangkan organisasi masing-masing dan menambah lebih ramai ahli baru.

Selain itu, bagi meningkatkan pembabitan Bumiputera, terutama belia dalam industri dan perniagaan, kerajaan melancarkan skim Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan atau Prosper.

Skim itu bertujuan membantu pengusaha kecil Bumiputera yang dikenal pasti menghadapi masalah kekurangan modal, kesulitan mendapat premis atau lokasi yang sesuai serta kelemahan pengurusan.

Sehingga 8 Oktober 2001, Prosper berjaya melatih 2,997 Bumiputera dalam bidang peruncitan. Bagi 2002, seramai 250 lagi usahawan Bumiputera dijangka dapat diwujudkan.

Bagi belia yang berminat dalam bidang perniagaan, Prosper adalah skim terbaik untuk perniagaan jangka panjang yang mampu berkembang jika diurus dengan baik.

Pada masa sama, belia perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran supaya tidak terpinggir daripada arus globalisasi yang melanda dunia hari ini.

Hishammuddin berkata, agenda teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) negara bertujuan mewujudkan masyarakat berpengetahuan, bermaklumat dan berbudaya ICT.

Bagi tujuan ini, kerajaan menyediakan peruntukan RM112.7 juta untuk melaksanakan Aplikasi Perdana Kerajaan Elektronik, RM72.3 juta untuk Sekolah Bestari, RM20 juta untuk Teleperubatan, RM86.3 juta untuk Kad Pintar dan RM9.5 juta untuk Integrasi Aplikasi dan RM205.5 juta untuk pengkomputeran sekolah.

Sehubungan itu, beliau menyeru golongan belia di negara ini memanfaatkan peluang yang disediakan kerajaan sebaik mungkin.

(END)